

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 22 JUN 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	PENGGUNAAN RACUN SERANGGA DI CAMERON HIGHLANDS MASIH TINGGI, NEWS, MALAYSIA SHAFQNA -5 PENGGUNAAN RACUN SERANGGA DI CAMERON HIGHLANDS MASIH TINGGI, NEWS, ASTRO AWANI -7 PENGGUNAAN RACUN SERANGGA DI CAMERON HIGHLANDS MASIH TINGGI, NEWS, BERNAMA -4 PENGGUNAAN RACUN SERANGGA DI CAMERON HIGHLANDS MASIH TINGGI, NEWS, SELANGOR KINI -10 CAMERON HIGHLANDS GROWERS URGED TO USE BIOCONTROL AGENTS, NOT INSECTICIDES, NEWS, BERNAMA -4 PH KEKAL DASAR EKONOMI, NEGARA, KOSMO -8 PM LAUNCHES INAUGURAL MALAYSIA FEST IN BANGKOK, NATION, STAR -2 CHINESE DURIAN LOVERS CAN NOW SATISFY THEIR CRAVINGS, NATION, THE STAR -13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
9. 10. 11.	SAMUN EMAS LAUT, SETEMPAT, HM -10 BALAT HARIMAU CECAH SEKILOGRAM RM1,350, SETEMPAT, HM -11 KAUT BALAT, SETEMPAT, HM -12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
12.	4,000 KELAPA SELUDUP BERNILAI RM10,000 DIRAMPAS, DALAM NEGERI, UM -44	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
13.	MEMBURU MADU LEBAH TUALANG, SPEKTRUM, HM -40 & 41	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
14.	MOA LANTIK BEKAS ADUN BATU MAUNG TERAJUI LPNM, NASIONAL, SH -39	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
15.	PENGELUARAN PRODUK MAKANAN BERPOTENSI TINGGI, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -6	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
16.	KEMENTERIAN BANTU NELAYAN, NEWS, SH (SELATAN) -35	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
17.	AGROBANK BAKAL LANCAR PRODUK PERTANIAN BAHARU, BISNES, UM -38	AGROBANK
18. 19.	USAHAWAN PRODUK MAKANAN PERLU SEDIA DEPANI CABARAN, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10 USAHAWAN PERLU DILAKUKAN BAGI MEMASTIKAN NEGARA TIDAK TERUS BERGANTUNG, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -4	LAIN – LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Penggunaan racun serangga di Cameron Highlands masih tinggi		
MediaTitle	Malaysia Shafaqna (malaysia.shafaqna.com)		
Date	22 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	5	Readership	5
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,200
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,600

Penggunaan racun serangga di Cameron Highlands masih tinggi

CAMERON HIGHLANDS: Tahap penggunaan racun serangga dalam kalangan pekebun di kawasan tanah tinggi Cameron Highlands masih tinggi, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin. Baca tapak asal

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Penggunaan racun serangga di Cameron Highlands masih tinggi		
MediaTitle	Astro Awani (www.astroawani.com)		
Date	22 Jun 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	7	Readership	4
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

Penggunaan racun serangga di Cameron Highlands masih tinggi

CAMERON HIGHLANDS : Tahap penggunaan racun serangga dalam kalangan pekebun di kawasan tanah tinggi Cameron Highlands masih tinggi, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin. Beliau berkata penggunaan racun makhluk perosak yang ...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Penggunaan racun serangga di Cameron Highlands masih tinggi		
MediaTitle	Bernama(www.bernama.com)		
Date	22 Jun 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	4	Readership	7
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

Penggunaan racun serangga di Cameron Highlands masih tinggi

CAMERON HIGHLANDS, 22 Jun (Bernama) -- Tahap penggunaan racun serangga dalam kalangan pekebun di kawasan tanah tinggi Cameron Highlands masih tinggi, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin.
Beliau berkata penggunaan racun ma...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Penggunaan racun serangga di Cameron Highlands masih tinggi		
MediaTitle	Selangorkini (https://selangorkini.my/)		
Date	22 Jun 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Penggunaan racun serangga di Cameron Highlands masih tinggi

CAMERON HIGHLANDS, 22 JUN: Tahap penggunaan racun serangga dalam kalangan pekebun di kawasan tanah tinggi Cameron Highlands masih tinggi, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin.

Beliau berkata, penggunaan racun makhluk peros...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Cameron Highlands growers urged to use biocontrol agents, not insecticides		
MediaTitle	Bernama(www.bernama.com)		
Date	22 Jun 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	4	Readership	7
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

Cameron Highlands growers urged to use biocontrol agents, not insecticides

CAMERON HIGHLANDS, June 22 (Bernama) – Cameron Highlands vegetable growers are being given six months to reduce their use of insecticides before stricter enforcement takes place, said Agriculture and Agro-based Deputy Minister, Sim Tze Tzin.
He said the ...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

PH kekal dasar ekonomi

BANGKOK - Malaysia mengekalkan dasar perdagangan dan ekonominya selain mesra dengan negara lain, walaupun berlaku perubahan kerajaan selepas 61 tahun, kata Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Kerajaan baharu Malaysia, katanya, menyambut baik pelabur asing termasuk dari jiran terdekatnya, Thailand, dan berusaha menyelaraskan peraturan, kawal aturan serta undang-undang bagi memudahkan lebih banyak pelaburan masuk.

"Kami mesra perniagaan. Oleh itu jika orang datang untuk melabur di Malaysia, kerajaan akan cuba membantu sebaik mungkin. Kami menyelaraskan semua peraturan, kawal aturan bagi memudahkan pelaburan dari negara asing."

"Kami berharap lebih banyak

ngan dan semua negara anggota wajar meneroka potensi ini dan memperkaya penduduk. "Mungkin pendapatan perkapita rendah, keperluan untuk golongan miskin sangat besar. Namun menerusi perdagangan dan perniagaan yang berkembang, ia akan memperkaya rakyat dan kita akan memperoleh pasaran yang baik sesama kita," katanya.

Merujuk Thailand sebagai jiran paling rapat, Dr. Mahathir mengalu-alukan syarikat dan pelabur Thailand menjalankan perniagaan di Malaysia berdasarkan komunikasi yang mudah selain mudah untuk mengenali sesama sendiri.

Terdahulu, Dr. Mahathir melancarkan Malaysia Fest 2019 yang mengetengahkan makanan, barangan dan persembahan kebudayaan terbaik Malaysia di Dataran CentralWorld di sini.



DR. MAHATHIR mencuba makanan Malaysia yang dipamerkan di Malaysia Fest 2019 di Dataran CentralWorld, Bangkok semalam.

syarikat Thailand melabur di Malaysia dan kami juga mahu melihat lebih banyak syarikat Malaysia melabur di Thailand," katanya dalam ucapan

tama pada sesi dialog bersama tokoh korporat Thailand di sini semalam. Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, ASEAN yang didiami 600 juta penduduk merupakan pasaran besar untuk perdagaa-

PM launches inaugural Malaysia Fest in Bangkok

BANGKOK: Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad has launched the inaugural Malaysia Fest 2019 here that showcases the best of Malaysia through food, products and cultural performance.

He spent about an hour visiting the booths and having a taste of some of the Malaysian street food at CentralWorld Square here.

The festival kicked off on Thursday in conjunction with the 34th Association of South-East Asian Nations Summit and ends tomorrow.

Also present were Foreign Minister Datuk Saifuddin Abdullah, International Trade and Industry Minister Datuk Darell Leiking, Economic Affairs Minister Datuk Seri Azmin Ali, Malaysian Ambassador to Thailand Datuk Jolie Samuel and Malaysia-Thai Chamber of Commerce chairman (MITCC) Dr Hwee Khim Boo.

More than 80 companies and entrepreneurs from Malaysia, each with their own unique products including frozen food, coffee, cereals, biscuits, confectionery, beauty products and handicrafts are participating in the fest. The Malaysia Fest 2019 is co-organised by MITCC and Conceptual Events Worldwide Co Ltd.

It is endorsed by the Malaysian embassy in Bangkok, supported by the International Trade and Industry Ministry, Malaysia External Trade Development Corporation, Agriculture and Agro-Based Industry Ministry and Malaysia Tourism Promotion Board.

Tourism products, travel package, educational opportunities as well as healthcare facilities and products are also being showcased at the event.

Agriculture and Agro-Based Industry Ministry secretary-general Datuk Mohd Salleh-huddin Hassan said the Malaysia Street Food Lower programme featuring 24 food stalls serving more than 60 types of Malaysian street food was also being held as part of the Malaysia Fest 2019.

He said the programme was part of the efforts to promote Malaysia through food.

"It is also an attempt by Malaysia's street food entrepreneurs to penetrate the Thai market," he said.

So far, he said the response for Malaysian street food was very good, saying that about 10kg of nasi lemak was sold on Thursday.

"We expect more local and foreign tourists to flock to the Malaysia Street Food Lover programme this weekend," he said. — Bernama



All smiles: Dr Mahathir receiving a copy of 'Plaited Arts from the Borneo Rainforest' after launching the inaugural Malaysia Fest 2019 in Bangkok. — Bernama

Chinese durian lovers can now satisfy their cravings

By BEH YUEN HUI
behyh@thestar.com.my

BEIJING: Durian lovers in China are excited to taste the premium King of Fruits in its original form following the arrival of the first batch of frozen whole durian.

The durians, weighing four tonnes, were flown in via Malaysia Airline cargo (MASkargo) plane and landed at Shanghai Pudong International Airport on Wednesday evening.

Online retailers have started selling the fruit on popular e-commerce platforms such as JD.com and Tmall.

A 2kg fruit is sold between 400 yuan (RM244) and 440 yuan (RM268).

On May 30, China's General Administration of Customs approved the import of frozen whole durian from Malaysia, which is highly sought after by the Chinese.

Before this, only the pulp, paste and processed products of Malaysian durians could be imported into the country.

Li Yuanling said she was waiting for this moment since falling in love with the thorny fruit a few years ago.

After returning to China in 2015, she bought the frozen pulp to satisfy her craving but she said nothing can beat eating the fruit in its

original form.

Another fan, who declined to be named, was seen checking online supermarkets for frozen whole durian.

"I checked for discounts and waited for the best price," he said.

Durian trader Loh Wee Keng said his fruits were all snapped up by retailers before they even made their way to China.

Unlike the unripe ones imported from Thailand, Malaysian durians are ripe, so they have to be frozen to keep its taste and quality.

Loh said his durians would only be supplied to online retailers.

Although Malaysian durian is facing strong competition from the cheaper Golden Pillow durian from Thailand, Loh is confident the Musang King will be a hit as the Chinese are demanding quality food now.

A 2kg Golden Pillow is priced between 130 yuan (RM80) and 170 yuan (RM104).

Recently, Agriculture and Agro-based Industries Minister Datuk Salahuddin Ayub said Malaysia was expected to export 1,000 tonnes of frozen whole durian to China every month.

Last year, the country's total durian export to China was valued at RM9.44mil (235.62 tonnes).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	10

10 setempat 22-06-2019



HARIAN METRO



SAMUN EMAS LAUT

Warga Vietnam berlayar ribuan kilometer demi merompak hasil balat negara

Ferry Bunga
Pulau Labuan, Sarawak

Raja Karamah

Nelayan Vietnam sanggup berlayar ribuan kilometer dari negara asal ke perairan negeri ini hanya mata mata mendapalkan gajam atau nama sampeknya hohohoh sebua yang mampu memberi palangan lumayan.

Carut atau panggilan tempatan, balat adalah sejenis hidupan laut unik yang kerap menjadi hidangan mewah kerana khabat yang terkandung di dalamnya.

Walaupun rupa bentuknya pelik bagi sesetengah orang, namun amat mengemikan apabila harga hidupan laut ini mampu mencecah sehingga RM1,500 untuk setiap kilogram.


Antara balat yang dijual di pasaran tempatan adalah jenis balat karamah putih, balat susu, balat lipan dan balat gadah yang mudah diperolehi di kawasan perairan Kudat dan pamaai timur negeri ini.

Disebabkan harganya yang lumayan, nelayan asing dan peniaga makanan laut berusaha mendapalkannya dengan cara mencuri hasil laut negara.

Malah, laporan akhbar juga mengesahkan balat di negeri ini turut dituai nelayan warga asing dari Vietnam yang menceroboh masuk ke perairan negara.

Ditambahkan, setiap kilogram balat ini boleh dibeli pada harga mencecah RM750 mengikut harga pasaran tempatan, namun boleh dijual sehingga ribuan ringgit di luar negara.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Sabah,



CANGKUK rajam
merosakkan
tanaman karang

Laksamana Muda Kamaruzaman Abu Hassan berkata, balat banyak ditemui perairan Pulau Balambangan, Pulau Banggi dan Pulau Tigabu, sekitar daerah Kudat.

Katanya, setiap enam bulan pertama tahun ini, pihaknya sudah merekodkan dua kes membalatkan nelayan asing terutama warga Vietnam yang mencuri hasil balat di negeri ini.

"Hasil tangkapan bagi kedua dua kes ini, APMM merampas 1,250 kilogram balat daripada tiga bot nelayan yang masuk ke negara ini sama ada menggunakan bot tempatan ataupun bot asing.

Malah, hasil pemeriksaan mendapati, kumpulan nelayan warga asing ini menggunakan peralatan seperti pengembur tanah yang dibenarkan Jabatan Perikanan," katanya ketika ditemui.

Menurutnya, kumpulan nelayan asing berkenaan dikesan menggunakan peralatan khas ini yang dibina di dasar laut sehingga diarah untuk menangkang balat.

Katanya, cara pengambilan balat ini dibenarkan kerana bukannya mengau pelbagai hidupan laut, malah ia menjayakan ekosistem termasuk merosakkan tumbuh karang yang menjadi komponen penting sumber pembiakan hidupan marin.

Kaedah yang digunakan adalah dilarang kerana ia memberi kesan jangka panjang pada sistem ekologi dan biodiversiti marin.

Penggunaan tangkuk besi boleh merosakkan batu karang yang menjadi habitat hidupan marin. Lebih menyedihkan lagi, ada seseneng spesies batu karang yang memerlukan masa ratusan tahun untuk membesar, musnah begitu



PENGEKEMUR rajam
dapat lebih banyak
bagi mengaut hasil lebih banyak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	11

1070-MALAI ROSMAH TUAH

Balat harimau cecah sekilogram RM1,350

Kota Kinabalu: Balat yang rurut dikenali sebagai tiruan laut menjadi buruan kerana dipercayai mempunyai khasiat mengekalkan kecantikan kulit, menguatkan tulang dan menyihatkan badan.

Tinjauan wartawan di Kompleks Sinsuran di sini, mendapati balat yang sudah dikeringkan dijual pada harga berbeza bergantung kepada jenis dan kualitinya.

Dibungkus sekilogram setiap satu, balat harimau putih menjadi pilihan ramal terutama pelancong China.

Penjual, Idris Hasan, 30, berkata, walaupun dijual sama namun balat yang terbaik adalah jenis harimau putih yang banyak di perairan negeri ini.

Katanya, harga balat harimau putih boleh mencecah antara RM1,000 hingga RM1,350 sekilogram bergantung kepada saiz dan rupa bentuk.

“Ada jenis lain yang banyak di jual iaitu balat susu. Balat jenis ini lebih murah dan dijual pada harga sekitar RM300 sekilogram.”

“Balat kering ini digemari terutama pelancong China. Kadang-kala mereka sanggup membeli lima hingga 10 kilogram untuk dibawa pulang ke negara mereka,” katanya ketika ditemui.

Menurutnya, dia dan beberapa peniaga di pasar berkenaan kebanyakannya mendapatkan bekalan daripada pembekal yang

berpangkalan di daerah Kudat.

Katanya, balat yang diperolehi dari daerah Kudat berkualiti berbanding tempat lain disebabkan kebanyakannya daripada spesies balat harimau putih.

“Setiap balat yang sampai di sini secara pukal akan diperiksa terlebih dahulu. Sekiranya masih basah, kami akan menjemurnya selama dua hingga tiga hari.”

“Selepas itu, ia akan diasingkan mengikut jenis dan kualiti sebelum dibungkus,” katanya.

Sementara itu, Idris berkata, walaupun dijual dalam keadaan kering, balat tidak boleh dimakan terus dan perlu melalui beberapa proses selama beberapa hari sebelum dimasak sup atau lauk.

Katanya, balat perlu direbus satu jam sebelum dibiarkan berendam selama tiga hingga empat hari bergantung kepada saiznya.

“Selepas direndam, balat kering itu akan mengembang sehingga dua kali ganda dan perlu dibersihkan semula bagi menghilangkan pasir.”

“Keruduan barulah balat itu dimasak mengikut kesukaan,” katanya.



BALAT harimau



BALAT susu

“Balat kering ini digemari terutama pelancong China. Kadang-kala mereka sanggup membeli lima hingga 10 kilogram untuk dibawa pulang ke negara mereka.”

Idris

HASIL balat yang dirompak nelayan Vietnam.



saja,” katanya. Sehubungan itu, Kamaruzaman mengaitkan komuniti maritim supaya sentiasa menjadi mata dan telinga APMM untuk menyalurkan maklumat berhubung sebarang kegiatan jenayah di perairan. Katanya, usaha memotong pencucuhan bot melalui asing di perairan negara perlu diperhebatkan kerana ia menyebabkan kerugian mencecah nilai RM5 bilion kepada negara selain berjangkit kepada keamanan dan kedaulatan negara. “Orang ramai juga dinasihatkan untuk menghubungi MIBS 999 atau Pusat Operasi Maritim Negeri Sabah di talian 088-270665 sekiranya mempunyai sebarang maklumat berhubung jenayah atau kejadian kecemasan yang berlaku di perairan negara,” katanya.

KAUTI BALAI

■ 14 nelayan Vietnam ditahan curi hasil RM1.7j

Fardy Bunga

fardy@metro.com.my

Kudat

Seramai 14 nelayan warga Vietnam yang leka mengaut hasil balai secara haram di perairan negara ini berputih mata apabila dirahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kudat.

Semua nelayan asing yang menaiki tiga bot berasingan itu ditahan di kedudukan 10 Batu Nautika Timur Laut dari Pulau Sibongor Laut di sini, jam 8.10 pagi, kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kudat, Komander Maritim Boon Chin Chau berkata, ketika ditahan ketiga-tiga bot itu didapati tidak mempunyai dokumen pendaftaran masuk ke negara ini.

Katanya, pemeriksaan lanjut mendapati semua anak kapal dan tekong berusia 17 hingga 63 tahun itu tidak mempunyai dokumen pengenalan diri.

"Siasatan mendapati, ketiga-tiga bot itu membawa 2,200 kilogram (kg) balai yang dipercayai dikaut daripada perairan negara ini menggunakan peralatan diharamkan.

"Rampasan ini dianggarkan bernilai RM1.7 juta berdasarkan harga pasaran semasa," katanya.

Boon berkata, ini adalah kes ke-lapan membabitkan tangkapan hasil balai nelayan asing di perairan Kudat tahun ini.

Katanya, jumlah kuantiti balai yang dirampas adalah kejayaan terbesar dicatatkan APMM Sabah setakat ini.

"Ketiga-tiga bot bersama semua nelayan Vietnam dibawa ke Jeti Sabah Port Kudat sebelum diserahkan kepada



Tiga bot Vietnam bawa 2,200 kg balai

MELAYAN Vietnam yang ditahan APMM daripada tiga bot yang mengaut balai di perairan negara.

Pegawai Penyiasat untuk siasatan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63," katanya.

Beliau menasihatkan orang awam menyahurkan maklumat menerusi MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Kudat di talian 088-611858.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	44

4,000 kelapa seludup bernilai RM10,000 dirampas

KOTA BHARU 21 Jun - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) bersama Batalion Ketujuh Pasukan Gerakan Am (PGA7), merampas 4,000 biji buah kelapa bernilai RM10,000, dalam satu serbuan di sebuah pangkalan haram Lubok Gong, Pasir Mas, Rabu lepas.

Pengarah MAQIS Kelantan, Mohd. Azam Yahya berkata, dalam serbuan kira-kira pukul

1.30 petang itu, sekumpulan lima penyeludup dilihat sedang asyik memunggah buah kelapa yang sudah di buang sabut dari sebuah bot di tebing Sungai Golok ke dalam sebuah lori di pangkalan haram Lubok Gong.

"Sebaik sahaja menyedari kehadiran pihak PGA7 yang membuat serbuan bersama MAQIS secara mengejut, kumpulan lima lelaki itu terus bergegas

melarikan diri ke negara jiran.

"Hasil pemeriksaan menemui 4,000 biji buah kelapa di dalam lori berkenaan dan diperkaya diperoleh dari negara jiran sebelum cuba diseludup masuk untuk pasaran sekitar Kelantan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata, pasukan serbuan turut menyita sebuah lori yang dianggarkan bernilai kira-kira RM60,000 dan kese-

mua hasil rampasan dibawa ke pejabat agensi itu untuk siasatan lanjut.

Mohd. Azam berkata, perbuatan mengimport buah kelapa tanpa permit import yang sah daripada MAQIS adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dan boleh di hukumi di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama.

Beliau berkata, jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Katanya, kegagalan mematuhi peraturan import ini juga boleh dikenakan tindakan kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Kuarantin Dan Pemeriksaan (Pengkompaunan Kesalahan) 2019 sehingga RM50,000. -BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2019	HARIAN METRO	SPEKTRUM	40

SARANG lebah pada pokok tualang di Hutan Tasik Muda, Gubir, Sik.



SPEKTRUM BERSAMA HAFIZ SOHAIMI

Sekumpulan lelaki pertengahan usia meredah hutan belantara sambil menyeberangi anak sungai di dalam Hutan Tasik Muda, Gubir, dekat Sik, Kedah untuk mencari rezeki yang bukan sembarangan orang mampu melakukannya.

Berbekalkan parang tajam, bakul, lampu dan pakaian untuk diganti serta bekalan makanan, mereka meneroka kegelapan malam menuju pokok tualang yang siap ditanda pada awal petang dalam mencari madu.

Kerja dimulakan sebelum matahari terbenam, masing-masing mempunyai peranan selain ada yang menyediakan tempat untuk beristirahat sementara yang lain mengumpul kayu untuk dibina tangga sehingga mencapai keting-

MEMBURU LEBAH TUA

gian 200 meter atau lebih.

Selepas siap proses memasang tangga yang mengambil masa sehingga lima jam, mereka berehat dan menunggu jam 12 tengah malam untuk peraih madu tradisional, Abdul Samad Ahmad, 60, mula membakar kawasan sarang untuk menghalau lebah ke tempat lain.

Dengan kudrat yang ada, Abdul Samad memanjat penuh hati-hati. Apabila sampai ke dahan terdapat sarang lebah, beliau perlu memadamkan lampu ketika menghampirinya supaya penyangat berbisa itu tidak dapat menyerang.

Seterusnya, sarang lebah dipotong dan dima-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2019	HARIAN METRO	SPEKTRUM	41



SEORANG peraih madu tradisional mengumpul batang kayu untuk digunakan sebagai tangga.



PEMBANTU membina tangga daripada batang kayu yang mengambil masa hampir lima jam.



POKOK Tuolang yang tinggi dalam hutan.



ABDUL Samad masih berupaya memanjat pada usia 60 tahun.



ABDU: Samad tak l bersiap untuk memanjat pada waktu malam hari.



MADU tuolang ditapis dari sarang.

MADU LANG

sukkan ke dalam bakul serta diturunkan menggunakan tali kepada peraih yang menunggu di bawah. Madu lebah pokok tuolang itu dikumpul untuk dihantar kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sebelum dipasarkan ke pasaran tempatan mahupun antarabangsa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	39

MOA lantik bekas ADUN Batu Maung terajui LPNM

FOTO: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

PUTRAJAYA - Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul-Kassim dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) berkuatkuasa 1 Jun lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Datuk Salahuddin Ayub berkata, pelantikan itu dibuat selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 3(2) (a) Akta LPNM 2957 (Akta 427).

“Pemilihan Abdul Malik dibuat selepas mengambil kira semua faktor termasuk pengalaman yang dimiliki beliau yang pernah menggalas tanggungjawab sebagai Exco Pulau Pinang dan bekas ADUN Batu Maung.

“Saya juga yakin de-



Abdul Malik (kanan) bersalaman dengan Salahuddin selepas majlis penyerahan watak pelantikan di Putrajaya kelmarin.

ngan kemampuan beliau untuk menerajui LPNM dan seterusnya dapat menjadikan agensi tersebut sebuah organisasi yang terus ke hadapan dan memainkan peranan untuk memajukan industri nanas negara yang kian berkembang pesat,” katanya pada sidang akh-

bar selepas majlis penyerahan watak pelantikan di kementeriannya di sini kelmarin.

Sebelum ini, jawatan Pengerusi LPNM disandang oleh ADUN Semarang Johor, Datuk Sam-solbahri Jamali yang berkhidmat dari Julai 2013 hingga Jun 2018.

Headline	Pengeluaran produk makanan berpotensi tinggi		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	22 Jun 2019	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	6	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	603 cm ²
Journalist	ADI SAFARMAN	AdValue	RM 1,973
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,919



Chee Kadir merakamkan gambar bersama-sama seramai 51 peserta wanita dari sekitar Kabong yang mengikuti Kursus Teknologi Pemprosesan Makanan Hasilan Mi di Kabong.

Pengeluaran produk makanan berpotensi tinggi

ADI SAFARMAN

KABONG: Bidang perusahaannya pengeluaran produk makanan mempunyai potensi yang tinggi dan mampu menjana ekonomi penduduk.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kabong, Mohd Chee Kadir, berkata, beliau amat menggalakkan penduduk di kawasan luar bandar untuk memanfaatkan sepenuhnya pengalaman yang diperolehi dengan menghadiri kursus teknologi pemprosesan makanan.

"Gunakanlah ilmu yang diperolehi semasa kursus untuk menambah pendapatan dan meningkatkan taraf ekonomi keluarga.

"Permintaan untuk bahan makanan sentiasa meningkat dari semasa ke semasa dan pembekal selalunya tidak mampu memenuhi permintaan pengguna pada masa-masa tertentu.

"Peluang ini perlu dimanfaatkan sebaik mungkin oleh peserta dengan berpandukan kemahiran yang diperolehi dalam kursus yang dihadiri.

"Pengusaha perlu berani dan proaktif dalam mempromosikan produk berasaskan mi kepada pengguna.

"Kementerian yang berkaitan di negeri ini sentiasa sedia menyalur bantuan dalam bentuk memberi khidmat nasihat dan juga bantuan kepada pengusaha yang benar-benar berminat," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penangguhan Kursus Teknologi Pemprosesan Makanan Hasilan Mi anjuran Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan (MIED) Sarawak dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Sarawak dan Pejabat Daerah Kabong di sini semalam.

Kursus diadakan selama dua hari bertempat di Dewan Balai Polis Kabong itu menghimpunkan seramai 51 orang peserta wanita dari sekitar daerah Kabong.

Chee Kadir berkata, beliau akan mempertimbangkan permohonan peserta untuk membeli mesin membuat mi.

Beliau turut berpesan, apabila ada bantuan alatan maka perlulah dimanfaatkan dan digunakan dengan betul dan bukan dibazir atau dijual.

"Kerajaan Sarawak memberi bantuan alatan boleh diibarat seperti memberi kail atau pancing dan bukan memberi ikan.

"Ini bertujuan membentukkan pengusaha agar berusaha sendiri dan bukan mengharap bantuan semata-mata.

"Kita berharap kursus ini bukan yang pertama dan terakhir daripada pihak penganjur. Adalah diharapkan akan ada kursus seru-

pa untuk siri yang berikutnya selepas ini," katanya lagi.

Jelasnya, penghasilan pelbagai jenis mi seperti mi kuning, mi kolok dan kueh tiaw masih kurang diceburi oleh golongan Melayu dan bumiputera.

Lantaran itu katanya produk berupa mi halal masih sangat kurang dan dilihat sangat luas pasarnya.

Tambahnya, teknik pembuatan, pelabelan dan pembungkusan produk mi juga perlu diberi penekanan dan kursus untuk tujuan itu perlu diadakan pada masa akan datang.

Hadir sama Pegawai Daerah Kabong Rashdan Haji Hazemi, Ketua Seksyen Pembangunan Kapasiti mewakili Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan Sarawak, Salbiah Saji dan wakil Pengarah MARDI Sarawak, Suzalyna Mos.

Headline	Kementerian bantu nelayan		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	22 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	20,000
Page No	35	Readership	60,000
Language	Malay	ArticleSize	320 cm ²
Journalist	NOR AZURA MD AMIN	AdValue	RM 3,243
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,730



Kementerian bantu nelayan

Serius tangani isu lesen yang timbul sejak sekian lama

NOR AZURA MD AMIN

PONTIAN

Pelbagai isu disuarakan nelayan di kawasan Benut sewaktu sesi dialog bersama Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Faiz Fadzil di Pekan Benut kelmarin.

Antara isu yang mendapat perhatian ialah lesen nelayan memandangkan masih ramai tidak mempunyai lesen turun ke laut demi mencari rezeki.



Sesi dialog bersama nelayan DUN Benut di Pekan Benut kelmarin.

Faiz berkata, beliau memandangkan serius isu lesen yang disuarakan nelayan kerana masing-masing berharap dapat memiliki lesen yang amat penting sebagai pengenalan diri.

"Saya berdialog dengan nelayan dan mendengar secara terus masalah yang timbul dalam aktiviti perikanan.

"Difahamkan kerang antara hasil tangkapan popular nelayan

di kawasan Benut yang terletak di bawah Parlimen Pontian," katanya.

Jelasnya, isu utama permohonan lesen sudah lama menghantui nelayan kerana dibeku-

kan sejak 2008.

"Namun kerajaan PH di bawah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub telah mula membuka semula permohonan lesen sampan bagi mereka yang lebih 10 tahun ke laut menangkap ikan," katanya.

Justeru, beliau berharap agar nelayan terus berusaha menambah pendapatan dengan LKIM dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan berusaha membantu meningkatkan sosio ekonomi nelayan.

Kira-kira 50 nelayan hadir menyertai sesi dialog yang turut dihadiri Penyelaras Program Dialog Nelayan DUN Benut, Raden Sarobo dan Noor Saiful Amri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2019	UTUSAN MALAYSIA	BISNES	38

Agrobank bakal lancar produk pertanian baharu

KUALA LUMPUR 21 Jun - Agrobank menyahut seruan kerajaan untuk meningkatkan produktiviti sektor pertanian dan bakal melancarkan beberapa produk baharu terutama melibatkan penanaman padi.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Syed Alwi Mohamed Sultan berkata, pihaknya turut melibatkan diri dalam kumpulan kerja yang merangka struktur baharu industri pertanian dan sentiasa berkongsi memberikan input-input berguna kepada kerajaan.

“Usaha meningkatkan produktiviti penanaman padi bagi membolehkan usahawan-usahawan tani muda dan syarikat yang terlibat di dalam agrikulturi teknologi untuk menceburi bidang industri padi.

“Ini penting kerana apa yang kita lihat adalah produktiviti buruh adalah sangat rendah malah terendah berbanding industri-industri lain. Jadi ini cara untuk meningkatkan produktiviti di samping menaikkan taraf hidup pesawah,” katanya dalam Majlis Aidilfitri Korporat Agrobank di sini semalam.

Majlis Tindakan Ekonomi Negara yang bermesyuarat baru-baru ini memutuskan untuk memberi fokus meningkatkan pendapatan pesawah di negara ini melalui pelbagai kaedah.

Antara yang dicadangkan adalah dengan melakukan konsolidasi ke atas kawasan penanaman padi yang ketika ini diusahakan secara kecil-kecilan oleh pesawah. Selain itu, kerajaan turut berhasrat untuk memperkenalkan kaedah baharu penanaman padi dan pembajaan.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai impak penurunan kadar dasar semalaman (OPR) yang diumumkan Bank Negara bulan lalu, Syed Alwi berkata, kesan terhadap keuntungan bank masih belum ketara kerana pelaksanaannya masih terlalu baru.

“Bagaimanapun, saya menyokong usaha BNM untuk merangsang ekonomi domestik menerusi pengurangan kadar faedah turut mencari jalan lain supaya jumlah pendeposit di Agrobank tidak menurun,” katanya.

Headline	Usahawan produk makanan perlu sedia depan cabaran		
MediaTitle	Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/)		
Date	22 Jun 2019	:Color	Full Color
Section	News	:Circulation	3
Order Rank	10	:Readership	
Language	English	:ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	:AdValue	RM 450
Frequency	Daily	:PR Value	RM 1,350

Usahawan produk makanan perlu sedia depan cabaran

KABONG: Usahawan yang terlibat dalam industri pengeluaran produk makanan digesa lebih berani, kreatif dan bersedia untuk mempelbagaikan produk jika ingin maju dan berjaya dalam bidang itu. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kabong Mohd Chee Kadir berkata,...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	USAHA PERLU DILAKUKAN BAGI MEMASTIKAN NEGARA TIDAK TERUS BERGANTUNG		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	22 Jun 2019	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	382 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,250
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,750



USAHA PERLU DILAKUKAN BAGI MEMASTIKAN NEGARA TIDAK TERUS BERGANTUNG KEPADA BERAS IMPORT

MUNGKIN ada yang belum menyedari bahawa beras adalah makanan ruji yang amat penting di negara ini. Setiap hari penduduk di negara ini menggunakan beras untuk menyara keluarga di rumah atau menjadi hidangan utama di pelbagai majlis keramaian.

Malah hampir semua premis makanan seperti restoran, kafe atau warung menjadikan beras atau nasi sebagai menu penting dalam penyediaan makanan di premis masing-masing.

Beras dimasak dengan berbagai-bagai cara untuk menghasilkan nasi yang pelbagai jenis dan rasa. Daripada nasi putih, bubur nasi, nasi goreng, nasi ayam, nasi kerabu hinggalah kepada nasi briani atau nasi ala Arab.

Semua menu berkenaan menggunakan nasi

sebagai ramuan dan bahan mentahnya. Malah amal jarang kita mendengar orang ramai yang duduk di restoran atau kafe tidak memesan nasi dan begitulah di majlis perkahwinan atau kenduri arwah maka nasilah yang akan menjadi hidangan utama.

Dengan ini, wajarlah beras dan nasi adalah komoditi atau makanan yang penting di negara ini. Menyedari hakikat ini kerajaan sedang dan telah melakukan pelbagai usaha bagi memastikan bekalan beras atau nasi di negara ini terus mencukupi.

Malah usaha juga dilakukan bagi memastikan negara tidak terlalu bergantung kepada bekalan beras yang diimport dari luar negara.

Menurut laporan yang dikutip dari sebuah media tempatan, bahawa pada masa ini sebanyak 30

peratus beras diimport dengan kos kira-kira RM1.18 bilion pada tahun 2018 bagi 740,000 tan beras.

Kadar pengimportan beras ini akan dapat dikurangkan lebih banyak lagi atau pada kadar sifar jika semua kawasan tanah terbiar yang masih terdapat di negara ini dimajukan dengan jelapang padi.

Begaimanapun kita juga mengakui bahawa tidak semua tanah terbiar yang masih itu sesuai untuk menanam padi, namun kita yakin dengan galakan dan usaha penanaman padi yang dilakukan secara lebih komprehensif akan dapat mengurangkan kebergantungan negara terhadap beras import.

Sehubungan ini kita bersetuju terhadap usaha kerajaan untuk meningkatkan (pengeluaran beras tempatan) kepada 75 per-



WACANA PENGARANG

tus dalam tempoh tiga atau empat tahun ini.

Dalam hal ini Kementerian Pertanian dan Asas Tani akan meningkatkan penggunaan teknologi dengan membuat 'profiling' dan penggunaan baja yang sesuai.

Difahamkan bahawa negara hanya mampu mengeluarkan hanya kira-kira dua juta tan beras saja, manakala satu juta

tan selebihnya bergantung kepada beras import.

Kita perlu menyedari bahawa negara akan dalam keadaan bahaya jika negara pengeluar beras atau negara pengimport beras ke Malaysia tiba-tiba menamatkan penjualan beras ke negara ini.

Alaupon negara pengeluar beras menetapkan harga jualan yang tinggi bagi setiap tan beras yang diimport ke negara ini.

Kedudukan ini sukar untuk kita nafikan, malah ia mungkin boleh berlaku jika negara pengeluar berkenaan dilanda pelbagai musibah yang tidak dilingni seperti tercetusnya peperangan, pergolakan dalam negara berkenaan, atau negara itu ditimpa bencana alam yang dahsyat seperti banjir besar dan gempa bumi kuat yang turut melumpuhkan kawasan jelapang padi di

negara berkenaan.

Selain itu, masalah ini juga boleh timbul jika kadar pertumbuhan penduduk di negara berkenaan terus bertambah sehingga hasil padi yang mereka perolehi hanya cukup untuk menampung keperluan pengguna di negara berkenaan.

Oleh itu, kita perlu membuat persediaan bagi memastikan negara ini turut mampu menghasilkan beras yang mencukupi atau kita juga perlu mempunyai sasaran agar hasil padi yang kita perolehi dalam negara juga mampu dieksport ke luar negara.

Sekali lagi kita ingin menyalakan bahawa pengeluaran beras yang mencukupi dalam negara adalah penting, kerana beras atau nasi adalah makanan ruji rakyat di negara ini.

Kedudukan boleh menjadi kelam-kabut atau huru-hara jika bekalan beras berkurangan atau harganya naik dengan mendadak di pasaran.

Namun kita tabik dan bangga kerana masalah kekurangan bahan makanan terbahil dapat diatasi oleh kerajaan manakala kekurangan beras secara serius belum pernah berlaku di negara ini.

Sehubungan ini, kita perlu menyokong dan mencadangkan supaya kerajaan terus bertindak membangunkan tanah terbiar di negara ini untuk penanaman padi secara besar-bosaran.

Ia bukan sahaja dapat membantu menambahkan pengeluaran beras tetapi turut mengelakkan negara menghadapi kekurangan padi atau beras yang kronik.